



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR *DALAM TALIAN / ONLINE*

NAMA KURSUS : KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS : DSM 3213
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

	BAHAGIAN A (60 Markah)
	BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepetimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Setiap hari ramai usahawan yang baru memulakan perniagaan. Kebanyakan daripada mereka mengalami masalah yang sama. Pada pendapat anda, apakah kesilapan yang sering dihadapi oleh usahawan baru?

(10 markah)

SOALAN 2

Etika merupakan perkara yang dititikberatkan oleh para pengguna hari ini. Persoalan etika menjadi isu besar dalam dunia moden dan dibincangkan dalam pelbagai forum berkaitan. Adakah anda setuju mengatakan bahawa etika sangat penting bagi sesebuah perniagaan? Mengapa?

(10 markah)

SOALAN 3

Inovasi akan berlaku sekiranya wujud persaingan dalam mengeluarkan produk terkini. Kebanyakan usahawan mencari sumber inovasi yang berkualiti bagi memantapkan lagi perniagaan mereka dan bersaing dengan pesaing yang lain. Bagaimanakah sumber-sumber inovasi boleh mempengaruhi sesebuah perniagaan?

(10 markah)

SOALAN 4

Berdasarkan teori sistem, sesebuah organisasi perniagaan itu tidak dapat berdikari kerana dipengaruhi oleh elemen-elemen disekitarnya. Bagaimana faktor ekonomi, sosio budaya dan teknologi boleh mempengaruhi sesebuah perniagaan?

(10 markah)

SOALAN 5

a. Fareeda bercadang untuk membuka sebuah perniagaan. Jelaskan kepada Fareeda bentuk perniagaan yang boleh didaftarkan oleh beliau.

(4 markah)

b. Fareeda juga ingin melindungi hak-hak di dalam perniagaan beliau. Cadangkan **tiga (3)** hak perlindungan perniagaan yang boleh dibuat oleh Fareeda.

(6 markah)

SOALAN 6

Perancangan organisasi memastikan bahawa terdapat visi bagi perniagaan supaya pekerja tahu dan memahami bahawa pekerjaan sehari-hari mereka menyumbang kepada syarikat secara keseluruhan. Mengapakah perancangan menjadi kepentingan bagi sesebuah perniagaan?

(10 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Deloitte China dan Laiye mengumumkan satu perikatan strategik untuk bersama-sama mempercepatkan Transformasi Automasi Pintar. Kedua-dua syarikat ini telah menjadi rakan kongsi untuk menawarkan perkhidmatan kepada beberapa syarikat Fortune 500 dan syarikat-syarikat lain yang terkemuka dalam industri ini sejak dua tahun yang lalu, mencakupi teknologi termasuk Kecerdasan Buatan (AI), Automasi Proses Robotik (RPA), Robot Sembang (Chatbot) dan penyelesaian Pemprosesan Dokumen Pintar (IDP). - *Shanghai, 18 Jun 2021 /PRNewswire*

- a. Nasihatkan mereka berkenaan kaedah perikatan strategik yang boleh dilaksanakan untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.

(12 markah)

- b. Terangkan **empat (4)** kelebihan sekiranya Deloitte China dan Laiye melaksanakan perikatan strategik tersebut.

(8 markah)

SOALAN 2

Encik Malik adalah pengarah urusan Syarikat Perabot Kayu Jati Sdn Bhd. Beliau hendak mengeluarkan perabot baru iaitu set sofa yang bakal diberikan jenama Perabot Aquapunto. Reka bentuk Perabot Aquapunto direka khas oleh pereka dari China dan Indonesia yang menghasilkan gabungan reka bentuk yang menarik.

Sebelum mengeluarkan perabot Aquapunto ini, Encik Malik harus mengenal pasti persekitaran yang boleh mempengaruhi syarikat dengan mengambil kira margin keuntungan yang akan diperoleh oleh beliau di samping pasaran yang sangat kompetitif.

- a. Anda sebagai pengurus pemasaran syarikat tersebut, diminta untuk membangunkan strategi pemasaran digital untuk menarik minat pelanggan terhadap produk baru tersebut.

(12 markah)

- b. Tentukan perkara yang perlu diambil kira sebelum menetapkan margin keuntungan bagi perabot Aquapunto.

(8 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT